

07 FEB 1999

Mahathir-Ekonomi

BELANJA IKUT KEMAMPUAN KETIKA EKONOMI SEDANG PULIH, KATA MAHATHIR

LONDON, 7 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tanda-tanda menunjukkan ekonomi Malaysia sedang pulih tetapi dalam kegawatan ini, rakyat harus berbelanja mengikut kemampuan.

"Rizab asing, indeks pasaran saham serta penjualan kereta dan rumah kembali meningkat.

"Kita mampu mengharapkan pertumbuhan 7 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar dan saya yakin wawasan 2020 kita dapat dicapai," katanya dalam pertemuan dengan pelajar Malaysia di Malaysia Hall di sini.

Dr Mahathir yang singgah di sini dalam perjalanan menghadiri sidang kemuncak G15 di Jamaica, berkata bahawa tanpa mendapat bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa, Malaysia telah menguruskan ekonominya lebih baik daripada beberapa negara lain di rantau itu.

Katanya Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur telah meningkat daripada 262 mata kepada sekitar 600 mata manakala modal pasaran naik daripada RM180 bilion kepada RM300 bilion.

"Saya yakin syarikat asing dan pelabur jangka panjang akan terus melihat Malaysia sebagai negara menarik untuk berurusan kerana kita menyediakan suasana yang baik.

"Kita tidak perlukan pelabur jangka pendek atau spekulator mata wang," katanya.

Beliau berkata syarikat seperti Nestle, Diethlem, Chartered Bank dan Citibank tidak akan meninggalkan Malaysia.

Mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa KL yang baru di Sepang dan bandar raya pentadbiran Putrajaya, beliau berkata projek-projek itu wajar dilaksanakan untuk keperluan masa depan.

Ketika ditanya sama ada bank-bank di Malaysia menyumbang kepada pemulihan ekonomi, Dr Mahathir berkata semua bank diminta menambah 15 peratus dalam pemberian pinjaman tetapi apa yang berlaku ialah sebelum itu, mereka diberitahu supaya mengurangkan pinjaman.

"Mereka sebenarnya telah melebihi 25 peratus, jadi mereka potong segalanya untuk mencapai 25 peratus dan sekali lagi, mereka diminta mengurangkan kepada 15 peratus, maka merekapun potong sekali lagi."

Dr Mahathir berkata bank-bank menjadi bimbang dan berhenti memberi pinjaman, tambahan pula, mereka tidak mempunyai wang untuk memberi pinjaman kerana bank di Singapura menawarkan kadar faedah sehingga 40 peratus yang menyebabkan ringgit Malaysia dibawa keluar ke republik itu.

"Bank tempatan kini perlu mendapatkan wang, dan keduanya, terdapat syarat lain yang dikenakan oleh Bank Negara sebelum ini yang membuatkan bank sukar memberi pinjaman.

"Maka mereka tidak mampu mencapai kenaikan 8 peratus dalam pemberian pinjaman mereka untuk tahun lepas. Tetapi kita yakin lambat laun mereka akan mampu melakukannya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak akan melonggarkan sektor kewangannya seperti yang dikehendaki oleh Pertubuhan Perdagangan Sedunia kecuali ia mendapat sesuatu daripadanya.

"Kita tidak akan membenarkan sesiapa saja masuk dan merampas semua syarikat kita," katanya.

-- BERNAMA